



# An-Nasihah

Nasihat Menasihat Dengan Kebenaran dan Kesabaran—Badan Dakwah & Rohani (BADAR)  
Sekolah Agama Menengah Hisamuddin Sungai Bertih, Klang

EDISI 2009, KELUARAN 3

6 MAC 2009 (9 RABI'UL AWWAL 1430)

## KANDUNGAN :

- Kami Cinta Padamu Ya Rasulullah
- Keutamaan Berpegang Kepada Sunnah Nabi
- Perhubungan Kerana ALLAH

### Sunnah Nabi

- Makan atau minum dalam keadaan duduk menggunakan tangan kanan.
- Makan dimulai dengan basmallah, suara pannya kecil.
- Apabila bersin, tutup muka dgn tangan atau baju. Suara dikeklikan.
- Sebarkan salam.
- Suka kepada minyak wangi.
- Sentiasa berwajah manis dengan senyuman.
- Nabi ketawa sehingga menampakkan gigi. Tidak berdekah-dekah.
- Tidak pernah berbongkong walau dalam dalam jenaka.
- Suka pakai baju labuh.
- Merendah diri.
- Sopan dan malu.
- Tidak berkata kecuali jika perlu.
- Apabila bercakap tentang hal penting, Baginda akan ulanginya 2 atau 3 kali.
- Baginda tidak memalukan orang lain di khalayak umum.



Alhamdulillah. Allahumma solli 'ala Muhammad wa 'ala ali Muhammad.

Amma ba'd.

Pada ketika ini, di mana-mana pun masyarakat sedang bersiap sedia untuk menyambut MaulidurRasul. MaulidurRasul disambut bagi memperingati tarikh kelahiran Nabi Muhammad sollAllahu 'alaihi wasallam.

Walaupun terdapat perbeaan pendapat di kalangan para ulama' berkenaan tarikh sebenar kelahiran insan mulia Nabi Muhammad sollAllahu 'alaihi wasallam, namun

rata-rata masyarakat kita telah menerima bahawa 12 Rabi'ul awwal merupakan tarikh maulidnya Baginda.

Apa yang lebih utama dari menyambut hari kelahiran Baginda sebenarnya ialah untuk kita menerapkan rasa cinta kita kepada Baginda sollAllahu 'alaihi wasallam.

Bahkan, syarak telah menetapkan bahawa mencintai Rasulullah sollAllahu 'alaihi wasallam adalah sebahagian kewajipan seorang muslim.

Anas bin Malik r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya:

**"Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mencintaiku lebih daripada ibubapa, anaknya dan seluruh ummat manusia."** - Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Nabi sollAllahu 'alaihi wasallam telah dipilih ALLAH subhanahu wata'alha sebagai Pesuruh dan KekasihNYA. Kita sebagai muslim wajib mencintai insan yang paling dicintai dan direhsti ALLAH. Inilah peringkat cinta yang tertinggi di kalangan makhluk.

Betapa Rasulullah sollAllahu 'alaihi wasallam telah berkorban dan menghadapi pelbagai dugaan dalam berjuang untuk menyampaikan nikmat ISLAM dan IMAN yang kita perolehi saat ini.

Baginda pernah dipukul, disakiti, dicela, dimaki dan dipulaukan oleh orang yang paling hampir dengannya. Namun, Baginda tetap tidak berganjak dari misi menyampaikan wahyu kepada kita semua.

Sanggupkah kita melalui perkara yang sama seperti Rasulullah?! Banyak benar telah engkau lakukan untuk kami. Oh, Rasulullah...kami cinta padamu!

(Bersambung ke muka surat 2)

## Keutamaan Berpegang Kepada Sunnah Rasululloh sollAllahu 'alaihi wasallom

"Barangsiaapa yang membenci sunnahku, maka dia bukan termasuk golonganku" (HR Muttafaqun 'alaih)

"Sesungguhnya aku telah tinggalkan di antara kalian sesuatu yang jika kalian berpegang teguh dengannya, maka kalian tidak akan tersesat selamanya; iaitu kitabullah dan sunnah NabiNYA." (Disahihkan oleh Al-Hakim)

"Aku berwasiat kepadamu agar bertakwa kepada Allah 'Azza wajalla, agar mendengar, taat dan patuh meskipun pemimpinmu seorang budak. Barangsiapa hidup panjang umur dari kamu maka dia akan melihat banyak silang-sengketa. Berpeganglah kepada sunnahku dan sunnah-sunnah khulafaur rasyidin yang mendapat petunjuk dan hidayah (sesudahku). Gigitlah kuat-kuat dengan gigi gerahamu. Waspadalah terhadap ciptaan persoalan-persoalan baru. Sesungguhnya tiap bid'ah mengandung kesesatan." (HR. Tirmidzi)

اللَّهُمَّ صَلُّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالَيْهِ مُحَمَّدٌ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى عَالَيْهِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالَيْهِ مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى عَالَيْهِ إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمَيْنَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

(Perbanyakkan Membaca Solawat Ibrahimiyah)

# Kami Cinta Padamu, Ya Rasulullah

(Dari muka surat 1)

Ungkapan cinta tidak memadai untuk kita menunjukkan rasa cinta kepada Baginda.

**Bagaimana cara kita me luahkan rasa cinta kita kepada Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam?**

## 1. Bersolawat

Ummat ISLAM disuruh untuk bersolawat kepada Baginda.

**"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya bershalawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, bersolawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya." - al-Ahzab: 56.**

Sentiasalah bersolawat. Tatkala

lapang atau sibuk, getarkanlah lidah kalian dengan bersolawat.

Solawat Ibrahimiyah iaitu seperti solawat yang dibaca tatkala tasyahud dalam solat sangat disarankan membacanya kerana ia telah diajarkan oleh Rasulullah untuk kita amalkannya.

## 2. Menghidupkan sunnah.

Hendaklah kita cuba sedaya upaya untuk mengamalkan segala sunnah Baginda samada dari segi perkataan maupun amalan.

Pada susuk tubuh dan akhlaq Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam terdapat banyak tau-

ladan dan kebaikan yang boleh kita ambil. Firman ALLAH yang maksudnya:

**"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah." Surah al-Ahzab: 21.**

Cara Baginda bercakap, berjalan, makan, minum, bergurau, gelak, berpakaian, bermiaga, berjiran, bermasyarakat, berumahtangga, bernegara dan sebagainya wajar diambil untuk diamalkan di dalam kehidupan kita.

Nescaya, hidup kita akan sejahtera, berkat dan lebih bermakna sekiranya sunnah-sunnah Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Semoga kita semua tergolong dalam kalangan ummat Baginda yang beruntung dan diberi syafaat di akhirat kelak.

Allahumma solli 'ala Muhammad. Wa 'ala ali Muhammad. Kama sollaita 'ala Ibrahim. Wa 'ala ali Ibrahim...



# Perhubungan Kerana ALLAH?

## Soalan:

Saya mengenali seorang perempuan yang menyebabkan saya lebih dekat dengan ALLAH. Dia terlalu baik dan mempunyai ciri-ciri wanita solehah. Kami selalu berjumpa untuk membincangkan hal-hal agama dan meningkatkan kecintaan kepada ALLAH.

Dia selalu menggalakkan saya supaya menghafal al-Quran, menunaikan solat malam, menasihati saya supaya lebih dekat kepada ALLAH. Saya keliru dengan perhubungan ini. Adakah perhubungan ini dibenarkan kerana kami berkawan kerana ingin mencari redha ALLAH?

## Jawapan:

Ramai pemuda ISLAM melakukan kesilapan dalam hal ini. Mereka telah terperangkap dalam mainan syaitan yang sentiasa menggesa ummat ISLAM melakukan kejahatan.

Berhati-hatilah dengan tipu daya syaitan yang membuatkan kejahatan dipandang sebagai kebaikan. Syaitan sentiasa mengetuk pintu dan menyelewengkan hidayah

ALLAH daripada kamu.

Firman ALLAH maksudnya:

**"Iblis berkata: Disebabkan Engkau menghukumkan aku sesat, maka aku akan mengambil tempat menghalangi mereka dari melalui jalanMU yang lurus. Kemudian aku datangi mereka, dari hadapan mereka serta belakang mereka, dari kanan mereka serta dari kiri mereka dan Engkau tidak akan dapatti mereka bersyukur." - Surah al-A'raaf: 16-17.**

Ibnu Jauzi rh berkata:

**"Iblis sentiasa memerangkap manusia selagi dia mampu. Kadang-kadang kemampuannya berkurang dan bertambah yang mana ia bergantung kepada kesedaran dan kelekaan mereka yang jahil dan berilmu. Ingatlah hati itu seperti kubu. Syaitan sentiasa mengelilingi kubu tersebut untuk melihat pengawalnya dalam keadaan leka. Pengawal perlu tahu setiap pintu kubu yang telah diamanahkan untuk menjaganya. Dia tidak boleh terleka**

**walaupun sekilip mata kerana musuh tidak pernah membiarkannya. Seorang lelaki bertanya kepada Hasan al-Basri: Adakah iblis itu tidur? Dia menjawab: Jika dia tidur, sudah pasti kita mempunyai masa rehat."** - Rujuk Talbis Iblis ms: 52.

Ketahuilah, ini cabang panahan syaitan terhadapmu. Bermula dengan pandangan mata sehingga hal kepada perkenalan yang kononnya berlandaskan agama, dihiasi dengan nasihat dan percintaan-percintaan agama. Inilah fitnah yang paling besar bagi kamu.

Kamu juga selalu berjumpa dengannya. Inilah pergaulan yang dilarang kerana ALLAH melarang seorang lelaki dan perempuan bersama-sama tanpa hubungan yang sah.

Sabda Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam:

**"Tidak bersuni-sunyan lelaki dan wanita (bukan mahram), melainkan syaitan akan menjadi yang ketiga di antara mereka."** - Hadith riwayat al-Tirmizi: 1901.

Di dalam hadith riwayat Ahmad, Nabi sallAllahu 'alaihi wasallam pernah memalingkan muka al-Fadhal iaitu sepupu Baginda ketika seorang perempuan meminta fatwa. Apabila ditanya kenapa? Baginda sallAllahu 'alaihi wasallam menjawab **"Aku melihat seorang lelaki dan seorang wanita. Mereka berdua tidak aman dari dipengaruhi syaitan (selagi dia terus memandang)."**

Kami nasihatkan agar kamu membuat keputusan terhadap perhubungan ini. Samada mengambilnya sebagai isteri jika dia mempunyai akhlak dan pegangan agama yang baik. Atau memutuskan perhubungan ini kerana ia akan membawa keburukan dan kejahatan.